

## **APA ITU TABUNG PEMBANGUNAN USAHAWAN KOR TANI (TPUK)**



## **TABUNG PEMBANGUNAN USAHAWAN KOR TANI (TPUK)**

TPUK bertujuan memberi pinjaman kepada usahawan Kortani yang berkelayakan berumur 18 tahun hingga 40 tahun untuk memula, membesar atau meningkatkan kegiatan mereka terutama dalam skop pengeluaran, pemasaran dan pemprosesan. TPUK ditubuhkan selaras dengan matlamat kerajaan TPUK ditubuhkan untuk menarik minat golongan muda sebagai pelapis dalam sektor pertanian masa depan.



## **OBJEKTIF TPUK**

- 1) Melahirkan usahawan Kor Tani dalam bidang pengeluaran, pemprosesan dan perkhidmatan yang mampu menghasilkan produk barangan atau perkhidmatan yang berkualiti dan berdaya saing di kalangan ahli Kor Tani.
- 2) Menyediakan pembiayaan secara pinjaman kepada ahli-ahli Kor Tani bagi membantu meningkatkan kapasiti pengeluaran dan pendapatan melalui pelaksanaan projek yang memberikan nilai ditambah kepada hasil-hasil pengeluaran pertanian
- 3) Memperkasakan kemahiran ahli Kor Tani dalam sektor pertanian agar pengeluaran makanan negara dapat ditingkatkan.



## **SYARAT PERMOHONAN PEMBIAYAAN TPUK**

- 1) Ahli Kor Tani yang ingin memohon pinjaman perlu memenuhi syarat-syarat berikut :
- 2) Ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) atau Persatuan Nelayan Kawasan (PNK).
- 3) Berumur 18 tahun – 40 tahun
- 4) Mengisi borang permohonan TPUK dengan lengkap
- 5) Mempunyai saham minima RM200 di PPK/PNK.
- 6) Mampu menyediakan sebahagian daripada modal projek.
- 7) Sedang mengusahakan projek secara berkelompok.
- 8) Memenuhi skop projek yang disyaratkan.
- 9) Menghadiri temuduga yang ditetapkan.
- 10) Membenarkan lawatan ke tapak projek bagi tujuan penilaian.
- 11) Menjadi mentee kepada PPK/PNK atau usahawan PP/PN yang ditetapkan oleh PP/PN masing-masing

## **KONSEP & HAD PEMBIAYAAN**

- 1) Aktiviti ekonomi akan menerima pembiayaan RM10,000.00 setiap seorang samada projek individu atau secara berkelompok.
- 2) Pembiayaan secara 'Grant' sebanyak RM5,000.00 manakala pembiayaan secara pinjaman adalah RM5,000.00.
- 3) Bayaran perkhidmatan dikenakan ke atas ahli Kor Tani sebanyak 3% atas jumlah pembiayaan dan dibayar sekaligus kepada PP/PN sebelum pinjaman dikeluarkan.



## **SKOP PEMBIAYAAN**

Skop pembiayaan aktiviti ekonomi di bawah program Tabung Pembangunan Usahawan Kor Tani (TPUK) adalah seperti berikut :

### **6.1 Industri Asas Tani (IAT)**

Contoh: Penghasilan produk proses berasaskan makanan dan bukan makanan pertanian serta aktiviti sokongan IAT.

### **6.2 Pengeluaran Pertanian**

Contoh: Tanaman (sayur-sayuran, vitato, jagung), ternakan (ayam, lembu, kambing) dan akuakultur (ikan keli, siakap, udang)

### **6.3 Perkhidmatan/ Pemasaran**

Contoh: Agropelancongan, kejenteraan ladang, pengangkutan, pemasaran, pemborongan dan eksport